

MAFI beri jaminan barang keperluan cukup menjelang Aidilfitri

Noorazura Abdul Rahman - April 21, 2022 @ 2:41pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

GURUN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan barang keperluan harian mencukupi menjelang sambutan Aidilfitri.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata berdasarkan pemantauan bekalan seperti ayam dan telur juga tidak berkurangan serta berada dalam keadaan stabil

"Kita memantau ladang-ladang penternakan ayam dan telur... kita diyakinkan oleh pengusaha ladang dan pengeluar bahawa bekalan mencukupi untuk musim perayaan nanti.

"MAFI lihat dari segi perspektif bekalan, manakala harga akan dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pecah Tanah HotPack Packaging Ind.LLC, UAE di k Free The Seed Sdn.Bhd , di sini, hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Media sebelum ini melaporkan bekalan telur di beberapa negeri berkurangan susulan permintaan tinggi oleh peniaga ketika Ramadan selain peningkatan harga ayam di seluruh negara.

Rata-rata peniaga ayam dilaporkan mendakwa mereka terpaksa menaikkan harga ayam berikutan mendapat harga yang tinggi daripada pembekal.

Mengulas lanjut, Ronald berkata kos pengeluaran haiwan ternakan ketika ini meningkat berikutan harga komponen makanan ternakan yang diimport juga meningkat.

"Dari sudut pandangan MAFI, kos pengeluaran ternakan meningkat sejak dua bulan lalu.

"Kita mengimport jagung dan hampas kacang soya dari luar negara yang tertakluk kepada peningkatan (kos di luar negara) jadi tentu sekali kos pengeluaran juga meningkat dengan peningkatan kos import makanan ternakan ini," katanya.